

'Jangan tutup pintu rundingan'

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta supaya tidak menutup pintu rundingan bagi membolehkan kemelut yang berlaku antara beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dapat ditamatkan segera.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu berbuat demikian kerana beliau telah berulang kali mengkritik Perdana Menteri sehingga tidak memberi peluang kepada Abdullah untuk menjelaskan sesuatu perkara yang ditimbulkan.

Shahidan yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, Dr. Mahathir tidak seharusnya mengkritik Abdullah sehingga boleh menjatuhkan air muka Presiden UMNO itu.

"Dalam Islam sekiranya seseorang itu mengkritik sehingga boleh menjatuhkan air muka individu, ia boleh dianggap dosa besar.

"Saya berharap Dr. Mahathir tidak akan menutup pintu rundingan dan terus mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi menyelesaikan segala masalah yang timbul," katanya.

Shahidan berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Negeri Perlis di sini, hari ini.

Beliau mengulas kemelut membabitkan Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri yang kini masih belum dapat diselesaikan meskipun mereka berdua telah bertemu sebelum ini.

Menurut Shahidan, Dr. Mahathir perlu berhenti mengkritik kepimpinan Abdullah kerana tindakan itu boleh menjejaskan maruah Melayu dan UMNO.

"Tun (Dr. Mahathir) sebagai bekas pemimpin negara perlu menjaga nama baik Melayu dan UMNO yang pernah diperjuangkan oleh beliau suatu masa dahulu," katanya.